

PM kecewa soalan SRP bocor

P.T.O

LONDON, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sedih dan kecewa dengan laporan kebocoran kertas soalan Sains dan Geografi dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), baru-baru ini.

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan perlu perketatkan lagi cara pengurusan dan pengendalian kertas soalan

peperiksaan SRP.

"Walaupun kita berhati-hati dan berjaga-jaga sekalipun, seseorang penjenayah itu tetap pandai mencari lubang.

"Sebab itu kita sering bercakap mengenai amanah. Nilai ini perlu dimiliki semua orang. Kerajaan tidak mampu meletakkan pengawal pada setiap kakitangannya," katanya dalam sidang akhbar de-

ngan pemberita Malaysia di sini, semalam.

Dr Mahathir menegaskan pembocoran kertas soalan ini memberi implikasi buruk.

Beliau berkata ibu bapa juga dapat menolong dengan menolak sebarang tawaran yang tidak baik kerana ia menyusahkan pelajar yang jujur kerana terpaksa menduduki peperiksaan itu sekali lagi.

B.H. 20 OCT 1992